

Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Konsep Kendiri

Nurzaira Azreena Bt. Rahamat

Seperti yang telah dijelaskan, konsep kendiri seseorang itu terbentuk hasil daripada persepsi diri sendiri dan juga persepsi orang lain terhadapnya. Konsep kendiri ini boleh jadi bersifat positif dan juga negatif. Sebenarnya terdapat beberapa faktor yang boleh mempengaruhi konsep kendiri seseorang iaitu:

- Baka atau keturunan yang melibatkan ciri-ciri fizikal serta kecerdasan
- Pengaruh keluarga terutamanya ibu bapa dalam membentuk sikap dan kepercayaan
- Pengaruh sosiobudaya dan masyarakat sekeliling yang terdiri daripada pelbagai agama, adat resam dan peraturan; meninggalkan persepsi yang berbeza-beza antara setiap individu yang hidup dalam masyarakat tersebut
- Kepercayaan semula jadi yang wujud hasil daripada corak hidup meninggalkan persepsi yang sukar diubah atau menerima sesuatu yang baru bagi dirinya